

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/01/2018

# Dr M dakwa Melayu kurang tekun bekerja

BH-14/1/2018 Pg. 8

→ Pengerusi  
PPBM  
berpendapat  
budaya  
dipegang punca  
ketinggalan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► **Cyberjaya**

**T**un Dr Mahathir Mohamad mendakwa kaum Melayu didapati kurang tekun bekerja, kurang rajin dan kadangkala kurang amanah.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu juga berpendapat, budaya dan nilai hidup dipegang masyarakat Melayu di negara ini menyebabkan kaum itu ketinggalan.

“Kebolehan Melayu sama dengan orang lain tetapi masalahnya budaya dan nilai hidup yang kita pegang.

“Kita cari jalan mudah, kita tak nak cari benda yang berat. Kalau boleh kita upah orang lain, sebab itu kita

ketinggalan, bukan kerana tak boleh tapi kerana tak mahu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel pada program Bicara Wawasan 2020 di sini, semalam.

## **Banyak cuti umum**

Dr Mahathir turut mempersoalkan mengenai Malaysia yang terlalu banyak cuti umum, yang menyebabkan ketekunan bekerja rakyat Malaysia menjadi kurang.

Sementara itu, Dr Mahathir turut mendakwa Malaysia belum mampu mencapai status negara maju pada 2020 kerana tafsiran negara maju katanya tidak hanya terletak pada pendapatan perkapita rakyat sahaja, tetapi juga perlu merangkumi bidang ilmu, penyelidikan dan pembangunan serta berpengaruh di dunia.